



PENGANJUR BERSAMA:



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN “LLM MAJU CULTURAL NIGHT RUN 2019 @ 2ND BRIDGE, PENANG”

KAJANG, 4 Julai 2019 – Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah melancarkan acara Larian “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang” bertempat di Auditorium, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Larian ini akan diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah, Pulau Pinang pada 15 September 2019 bermula jam 9.00 malam hingga 1.00 pagi. Larian “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang” dijangka mengumpulkan seramai 5 ribu hingga 10 ribu peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur termasuk pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan pelajar sekolah.

Larian ini merupakan anjuran kali pertama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Koperasi LLM Sdn. Bhd. dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Persatuan Olahraga Amatur Negeri Pulau Pinang (P.A.A.A), Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Prai dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Acara larian ini turut disokong oleh agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan-Persatuan Sukan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Di samping itu, ianya turut dijayakan dengan sokongan daripada pihak penaja seperti Maju Expressway Sdn. Bhd. dan Maju Holdings selaku

Penaja Platinum, Touch N Go dan PLUS Malaysia Berhad selaku Penaja Gold dan TSL Group, RTS, Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. dan Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT) selaku Penaja Silver.

Pihak penganjur juga masih mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk menjadi penaja bagi acara ini sama ada tajaan berbentuk wang tunai, barangan sukan, barangan elektrik atau lain-lain keperluan sukan larian.

Penganjur juga turut menyediakan hadiah-hadiah menarik yang berpeluang untuk dimenangi oleh para peserta larian, antaranya seperti 10 hadiah “Best Dressed”/”Costume”, 5 hadiah “Most Eldest Participants”, 5 hadiah penyertaan sekolah teramai dan 3 hadiah penyertaan IPTA/IPTS teramai. Hadiah utama cabutan bertuah adalah sebuah motosikal, 100 hadiah baucar penginapan di Apartment 3 bilik dan lain-lain hadiah menarik menanti para pemenang yang bertuah. Selain itu, tawaran istimewa pemasangan stiker RFID percuma turut diberikan kepada peserta yang mendaftar.

Acara Larian ini merupakan aktiviti riadah yang istimewa serta berbeza dengan acara larian santai yang lain kerana ia bukan sahaja pertama kali diadakan di atas jambatan kedua Negeri Pulau Pinang, malah yang paling menarik ialah ia merupakan larian yang menggabungkan aktiviti larian santai, persembahan kesenian dan kebudayaan serta pelbagai aktiviti lain yang berkonsepkan budaya masyarakat majmuk di Malaysia.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput untuk menyertai acara larian ini dengan pendaftaran di laman sesawang https://howei.com/event_details/culturalnightrun2019 atau

<http://jomrun.com/event/llm-maju-cultural-night-run-2019> mulai 20 Jun 2019 hingga 31 Julai 2019. Peserta akan menerima t-shirt, *goodies bag*, pingat dan e-certificate daripada pihak penganjur.

Sebarang pertanyaan berkaitan penajaan atau penyertaan “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang” boleh dikemukakan kepada pihak penganjur melalui pegawai berikut:

Nama: Idrus bin Mat Tais

Tel: 019-3305877

E-mel: Idrus@llm.gov.my

Nama: Norhaslinda binti Abu Yazid

Tel: 017-6871400

E-mel: norhaslinda@llm.gov.my

Sekian.

DENGAN KERJASAMA



PENAJA:

PLATINUM



GOLD



SILVER

